

1976

KUALA LUMPUR, 4 MEI (BERNAMA) - TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED MENEGASKAN PENGAMBILAN LEBIH RAMAI PENUNTUT TIDAK MEMBERI FAEDAH SEKIRANYA SESUATU INSTITUSI PENGAJIAN ITU TIDAK DAPAT MENGHASILKAN KELULUSAN YANG SETIMPAL DENGAN BILANGAN PENUNTUT.

KATANYA, PERTAMBAHAN BILANGAN PENUNTUT BUKAN SAHAJA AKAN MENGURANGKAN KADAR KELULUSAN SESEBUAH INSTITUSI BAHKAN MENJEJASKAN KECAPAIAN PENUNTUTNYA.

+LEBIH BAIK MENARIMA MASUK 10 ORANG PENUNTUT YANG MEMPUNYAI KELAYAKAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS-KURSUS YANG DISEDIAKAN DARIPADA MENGAMBIL 100 ORANG PENUNTUT YANG TIDAK MEMPUNYAI KELULUSAN SERTA KEUPAYAAN MENGIKUTI KURSUS-KURSUS TERSEBUT,+ UJAR BELIAU.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA DEMIKIAN KETIKA MENGGULUNG PERBAHASAN ATAS RANG UNDANG-UNDANG INSTITUIT TEKNOLOJI MARA 1976 DI DEWAN NEGARA HARI INI.

RANG TERSEBUT YANG BERTUJUAN MEMPERBADANKAN ITM SUPAYA MENJADI SEBUAH PIHAK BERKUASA BERKANUN DIBAWAH KEMENTERIAN PELAJARAN KEMUDIAN DILULUSKAN.

DR. MAHATHIR MENERANGKAN TUJUAN UTAMA MENGADAKAN INSTITUIT -INSTITUIT PELAJARAN IALAH UNTUK MENYAMPAIKAN PENGETAHUAN KEPADA PARA PELAJAR. --BERSAMBUNG 2003/BW

647
NEGARA-ITM 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENEGASKAN ADALAH TIDAK PENTING SAMADA SESEBUAH INSTI-TUSI ITU MENAMBAH BILANGAN PENUNTUTNYA ATAU TIDAK ASALKAN IA BERUPAYA MENDATANGKAN HASIL YANG DIPERLUKAN.

DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU SANGGUP MENAMBAH BILANGAN PENUN-TUT-PENUNTUT DI ITM TETAPI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DAN SEGALA PERALATAN YANG SEDIA ADA MESTILAH DITAMBAH TERLEBIH DAHULU.

INI PERLU SUPAYA PARA PELAJAR DI INSTITUIT TERSEBUT DAPAT MENGIKUTI PELAJARAN MEREKA DENGAN SEMPURNA, JELASNYA.

BELIAU MENEKANKAN DARIPADA MENAMBAH BILANGAN PENUNTUT ADALAH LEBIH BAIK SEKIRANYA PIHAK PENTADBIR ITM MENAMBAH BILANGAN PENSYARAH-PENSYARAH SUPAYA PARA PELAJAR DAPAT MENYERAP SEGALA PELAJARAN YANG DIAJAR.

MENGENAI SYOR SUPAYA DITAMBAH BILANGAN CAWANGAN ITM, DR. MAHATHIR BERKATA CADANGAN TERSEBUT MEMANG BAIK TETAPI TIDAK AKAN MENDATANGKAN KESAN YANG MEMUASKAN.

KATANYA, BUAT MASA INI KERAJAAN TIDAK DAPAT MENAMBAH BILANGAN CAWANGAN ITM DI NEGERI-NEGERI YANG BELUM MEMPUNYAI CAWANGAN SEPERI ITU KERANA KEKURANGAN WANG.

MENYENTUH TENTANG PEMBERIAN BIASISWA KEPADA PELAJAR-PELAJAR ITM, DR. MAHATHIR BERKATA HAMPIR KESEMUA PELAJAR YANG DITERIMA BELAJAR DI ITM DIBERI BIASISWA OLEH INSTITUIT TERSEBUT.

- BERSAMBUNG 2008/BW

648

NEGARA-ITM 3 KUALA LUMPUR

MENURUT BELIAU, PELAJAR-PELAJAR TERSEBUT SELAIN DARI DIKE-
CUALIKAN MEMBAYAR YURAN JUGA DIBERI TEMPAT TINGGAL PERCUMA DAN
WANG SAKU.

DISAMPING ITU, TERDAPAT JUGA FIRMA-FIRMA SWASTA YANG MEMBERIKAN
BIASISWA KEPADA PARA PELAJAR YANG TERPILIH.

MENYENTUH SYOR SENATOR DATUK WEE KHOON HOCK SUPAYA PELAJAR-
PELAJAR BUKAN BUMIPUTERA YANG BELAJAR DI SEKOLAH-SEKOLAH KEBANG-
SAAN DITERIMA MASUK KE ITM, DR. MAHATHIR BERKATA TUJUAN UTAMA
PENUBUHAN ITM TALAH UNTUK MENGHASILKAN SISWA-SISWA BUMIPUTERA YANG
BERKELAYAKAN UNTUK BEKERJA DALAM SEKTOR AWAM DAN SWASTA.

BAGAIMANAPUN, TEGASNYA, PELAJAR-PELAJAR BERKENAAN TIDAK DISEKAT
DARI MEMASUKI LAIN-LAIN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SEPERTI
POLITEKNIK UNGKU OMAR. - BERSAMBUNG 2010/BW

649

NEGARA-ITM 4 KUALA LUMPUR

BERUCAP SEMASA PERBAHASAN, SENATOR HAJI KHALID ABDULLAH
MEMBIDAS KERAGUAN SETENGAH PIHAK TERHADAP PERANAN DAN
FUNGSI-FUNGSI ITM.

BELIAU MENYARANKAN SUPAYA PIHAK PENTADBIRAN ITM MENGADAKAN
MAJLIS-MAJLIS DIALOG UNTUK MENERANGKAN KEDUDUKAN DAN PERANAN ITM
KEPADA PIHAK -PIHAK BERKENAAN.

SENATOR IBRAHIM HAJI YAACOB MAHU KEMENTERIAN PELAJARAN
MENAMBAH BILANGAN PENUNTUT-PENUNTUT ITM SERTA MELONGGARKAN SYARAT-
SYARAT KEMASUKAN BAGI MEMBOLEHKAN LEBIH RAMAI BUMIPUTERA MENGI-
KUTI BERBAGAI KURSUS DI INSTITUIT TERSEBUT.

BELIAU JUGA MENDESAK KEMENTERIAN ITU MENAMBAH TENAGA PENGAJAR
INSTITUIT TERSEBUT, DAN JIKA PERLU MENGAMBIL PARA PENSYARAH DARI
LUAR NEGERI.

SENATOR SYED OMAR SYED HUSSIN PULA MEMINTA ITM MENUBUHKAN LEBIH
BANYAK CAWANGAN SERTA MENGADAKAN KURSUS-KURSUS SECARA MENYELURUH.

BELIAU MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PENGARAH ITM, DATUK LOKMAN
MUSA ATAS DAYAUSAHANYA MEMBERIKAN PENERANGAN LANJUT KEPADA PARA
PEMIMPIN DAN ORANGRAMAI TENTANG ITM.

MENURUT BELIAU, MAJLIS-MAJLIS PENERANGAN TERSEBUT TELAH DAPAT
MENGHAPUSKAN SALAH SANGKA ORANGRAMAI TERHADAP INSTITUIT ITU.

SENATOR ITU MENGGESA PIHAK ITM SUPAYA MEMBENARKAN
PENDUDUK-PENDUDUK SETEMPAT BERNIAGA DI SEKELILING KAMPUS ITM DAN
CAWANGAN-CAWANGANNYA.

- BERSAMBUNG 2015/BW

652

NEGARA--ITM 5 KUALA LUMPUR

SENATOR HAJI MOHAMED AMIN PULA MENIMBULKAN KETIDAKADAAN WAKIL-WAKIL PELAJAR DALAM MAJLIS PENTADBIR ITM DAN KHUATIR INI AKAN MENGAKIBATKAN RASA GELISAH DIKALANGAN PARA PELAJAR.

BELIAU JUGA MENGESYORKAN SUPAYA ITM MENYELERAKKAN CAWANGAN-CAWANGAN KAMPUSNYA KE SELURUH NEGARA.

SENATOR DATUK HAJI AHMAD ARSHAD MEMBIDAS SETENGAH GOLONGAN YANG MENGELUARKAN KATA-KATA SUMBANG TERHADAP MATLAMAT DAN TUJUAN PENUBUHAN ITM.

KATANYA, SETIAP RAKYAT YANG KASIHKAN NEGARA INI TIDAK HARUS MENCURIGAI SERTA MEMBANGKITKAN SOAL ITM, TERUTAMA TENTANG PERBELANJAAN YANG BESAR YANG DIBELANJAKAN SETAKAT INI.

SENATOR ITU JUGA MAHU ITM MENUBUHKAN CAWANGANNYA DI NEGERI JOHOR MEMANDANGKAN BILANGAN PENUNTUT YANG RAMAI DARI NEGERI ITU.

SENATOR ISMAIL SHEIKH IBRAHIM MEMINTA KEMENTERIAN PELAJARAN MEMAMBAH PERUNTUKAN KEPADA ITM CAWANGAN PERLIS BAGI MEMBOLEHKANNYA MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG LEBIH BAIK.

SENATOR ISMAIL KESAL KERANA BUAT MASA INI ITM LEBIH BANYAK MENGGUNAKAN BAHASA INGGERIS DALAM PENGAJARANNYA.

BELIAU MENDAKWA INI MENYUSAHKAN PARA PELAJAR, TERUTAMA MEREKA YANG DATANG DARI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN. -
BERSAMBUNG 2024/BW

653

NEGARA--ITM 6 KUALA LUMPUR

KETIKA MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG ITU, DR. MAHATHIR MENJELASKAN ITM PERLU DISUSUN SEMULA UNTUK MEMBOLEHKANNYA MEMAINKAN PERANANNYA DENGAN LEBIH BERKESAN.

KERAJAAN, TEGASNYA, TELAH MENUBUHKAN ITM BUKANLAH SEMATA-MATA UNTUK MELIHAT SATU INSTITUSI KHAS BAGI BUMIPUTERA.

+IA DITUBUHKAN KERANA PENGELUARAN BUMIPUTERA YANG TERLATIH ADALAH PENTING BAGI NEGARA, + TAMBAHNYA.

+TETAPI JIKA KEJADIAN-KEJADIAN YANG TIDAK DIINGINI SAMPATI DEMONSTRASI SERING BERLAKU HINGGA MENJEJASKAN KETENANGAN KAMPUS, SUDAH TENTU ITM TIDAK DAPAT MEMAINKAN PERANANNYA, + KATA DR. MAHATHIR. -- BERNAMA 2025/BW

120

120